

**KURIKULUM BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH:
PERBANDINGAN SEKOLAH KERAJAAN DENGAN SEKOLAH
AGAMA SWASTA DI WILAYAH YALA, THAILAND**

NURNEE BUKEHMATEE

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian analisis kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan sekolah-sekolah agama swasta. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Dua kaedah memperoleh data digunakan, iaitu analisis dokumen dan temu bual. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk menganalisis persamaan dan perbezaan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan sekolah-sekolah agama swasta di wilayah Yala. Di samping itu, kajian ini juga berhasrat meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dalam proses pembinaan kurikulum Bahasa Melayu tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi kandungan kurikulum Bahasa Melayu di dua jenis sekolah yang dikaji. Kajian ini menunjukkan bahawa kurikulum Bahasa Melayu yang diguna pakai di sekolah agama swasta lebih lengkap dan menyeluruh dari segi ilmu bahasa dan kemahiran bahasa yang diajarkan. Dari segi pelaksanaan kurikulum pula kajian ini mendapati masa yang diperuntukkan untuk mengajarkan Bahasa Melayu di sekolah agama swasta lebih panjang berbanding dengan masa yang diperuntukkan di sekolah menengah kerajaan. Dari aspek amalan penilaian kurikulum pula, kedua-dua jenis sekolah masih jauh dari sempurna. Penilaian dilakukan oleh guru-guru yang bukan terlatih dalam bidang Bahasa Melayu. Pengkaji memberikan cadangan untuk mengatasi masalah penggubalan kurikulum, pelaksanaan kurikulum, objektif pembelajaran, kandungan kurikulum dan penilaian kurikulum.



**Malay Language Curriculum Secondary Schools:
Differentiation between Government Schools and Private Religious Schools in
Yala Province, Thailand**

ABSTRACT

This study is an analysis of Malay language curriculum in secondary schools, both government and private religious schools. This study used a qualitative approach. Two methods to acquire the data have been used, the analysis of documents and interview. The purpose of this study was to analyze the similarities and differences of Malay Language curriculum in secondary schools, both government and private religious schools in the province of Yala. In addition, this study also intends to examine the problems faced by certain parties in the process of construction of the Malay Language curriculum. The findings show that there are differences in terms of the content of the Malay Language curriculum in two types of schools. This study showed that the Malay Language curriculum implemented in private religious schools is more comprehensive in terms of knowledge of the Malay Language and language skills taught. In terms of the implementation of the curriculum the time allocated to teach Malay Language in private religious schools longer than the time provided for in government secondary schools. The terms of curriculum evaluation practice, both types of schools are still far from perfect. The assessment is done by teachers who are not trained in the field of Malay Language. Researcher makes recommendations to solve the problem of curriculum, implementation of the curriculum, learning objective, curriculum contents and evaluation of curriculum.

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUUL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
 BAB 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Pendidikan Bahasa Melayu di Thailand	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Batasan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Kurikulum	14
1.8.2 Bahasa Melayu	15
1.8.3 Sekolah Menengah Kerajaan (SMK)	15

1.8.4	Sekolah Dua Sistem (SDS)	17
1.8.5	Sekolah Menengah Agama Swasta (SAS)	17
1.8.6	Wilayah	19
1.8.7	Wilayah Yala	19
1.8.8	Selatan Thailand	20
1.8.9	Wilayah Sempadan Selatan Thailand	21
1.9	Kesimpulan	23
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	24
2.1	Pengenalan	24
2.2	Teori Kurikulum	25
2.2.1	Peringkat Perancangan dan Perkembangan Kurikulum	25
2.2.2	Proses Perkembangan Kurikulum	28
2.2.3	Analisis Situasi	30
2.2.4	Peringkat Perkembangan Objektif	31
2.2.5	Peringkat Penyediaan Isi	32
2.2.6	Peringkat Kaedah dan Penyebaran	34
2.2.7	Peringkat Penilaian	35
2.3	Kurikulum di Thailand	38
2.4	Komponen Kurikulum	40
2.5	Kurikulum Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kerajaan	41

2.6	Kurikulum Bahasa Melayu di Sekolah Agama Swasta	44
2.7	Kajian Lampau yang Berkaitan dengan Analisis Kurikulum	53
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	60
2.9	Kesimpulan	62

BAB 3 KAEDAH KAJIAN 64

3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk dan Kaedah Kajian	65
3.3	Lokasi Kajian	67
3.4	Responden Kajian	68
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	74
3.5.1	Langkah 1	74
3.5.2	Langkah 2	74
3.5.3	Langkah 3	75
3.6	Kaedah Kajian	75
3.6.1	Kaedah Dokumen	76
3.6.2	Kaedah Temu Bual	77
3.7	Prosedur Analisis Data	80
3.8	Prosedur Pengesahan Data	80
3.9	Kesimpulan	82

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

83

4.1	Pengenalan	83
4.2	Analisis Dokumen dan Temu Bual	84
4.2.1	Soalan Kajian 1	84
4.2.1.1	Komponen Isi Kandungan Bahasa Melayu di SMK	84
4.2.1.2	Komponen Isi Kandungan Bahasa Melayu di SAS	86
4.2.2	Soalan Kajian 2	88
4.2.2.1	Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Matlamat Pendidikan	89
4.2.2.2	Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Objektif Pelajaran	90
4.2.2.3	Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Isi Kandungan	90
4.2.2.4	Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Penilaian Pelajaran	95
4.2.2.5	Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Masa Pembelajaran	96
4.2.3	Soalan Kajian 3	100
4.2.3.1	Perbandingan Masalah Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS	101
4.2.4	Soalan Kajian 4	106
4.2.4.1	Langkah-langkah bagi Mengatasi Masalah Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS	107

4.3 Kesimpulan 112

BAB 5 PENUTUP 114

5.1 Pengenalan 114

5.2 Perbincangan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS
di Wilayah Yala 115

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan 125

5.4 Kesimpulan 126

RUJUKAN 129

LAMPIRAN A 142

LAMPIRAN B 143

LAMPIRAN C 144

LAMPIRAN D 145

LAMPIRAN E 146

LAMPIRAN F 164

LAMPIRAN G 165

LAMPIRAN H 168

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
4.1 Isi Kandungan Bahasa Melayu Kelas 3 Mutawassitah di SMK	85
4.2 Isi Kandungan Bahasa Melayu Kelas 3 Mutawassitah di SAS	87
4.3 Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Matlamat Pendidikan	89
4.4 Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Objektif Pelajaran	90
4.5 Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Isi Kandungan	91
4.6 Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Penilaian Pembelajaran	95
4.7 Perbandingan Kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS dari segi Masa Pembelajaran	96
5.1 Cadangan Isi Kandungan Pendidikan Bahasa Melayu Kelas 3 Mutawassitah di SMK dan SAS	113

SENARAI RAJAH

RAJAH	HALAMAN
Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian	60



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan secara formal dan tidak formal di Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST). Bahasa Melayu sudah lama wujud di WSTS, iaitu semenjak orang Muslim Thai menggunakan bahasa Melayu bagi mengajarkan agama Islam, dan bahasa Melayu adalah salah satu lambang identiti yang menunjukkan bahawa mereka adalah orang Melayu. Dalam bab ini,

pengkaji akan menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Pendidikan Bahasa Melayu di Thailand

Sejarah penggunaan bahasa Melayu sudah lama, iaitu sejak bahasa Melayu digunakan dalam sistem pendidikan secara tidak formal bagi mempelajari al-Quran, kitab agama dan sebagainya di rumah tok guru atau di pondok-pondok. Manakala di masjid, mereka menggunakan bahasa Melayu ketika membaca khutbah. Tulisan yang digunakan dalam masyarakat ini adalah dalam tulisan Jawi, iaitu sistem tulisan yang lebih terkenal daripada tulisan Rumi. Orang Melayu di Selatan Thailand berasal dari pelbagai daerah Melayu, seperti Pattani asli, Semenanjung Tanah Melayu, dan dari seberang laut seperti Jawa, Minangkabau, Palembang, Medan, Aceh, Singapura yang sebahagian besar mereka masih menggunakan bahasa Melayu (Worawit Baru, 1999: 77). Manakala, yang lain pula berketurunan Negrito yang menggunakan bahasa Thai Selatan (Worawit Baru, 1999: 68). Sebelum abad ke -13 lagi, pengaruh Islam mulai mendominasi Nusantara. Terdapat ramai orang Melayu dari Aceh, Pasai, Medan, dan Semenanjung seperti Kedah, Perlis, Pahang, Melaka, Kelantan dan Terengganu menetap di Nakon Sri Tammarat (Paitoon M. Chaiyanara, 2000: 6).

Pada 3 April 1947, masyarakat Pattani di bawah Haji Solong Tokmina, mengambil persetujuan memohon pengiktirafan ras dan kebudayaan Melayu kepada

kerajaan pusat Thailand. Ini merupakan satu usul agar masyarakat Muslim dapat mengamalkan dan mempertahankan cara hidup keislaman yang berteraskan adat dan budaya Melayu.

Dalam tujuh permohonan itu, tiga perkara berhubung dengan status bahasa dan bangsa Melayu:

- a. Mengadakan pelajaran Bahasa Melayu pada tiap-tiap tahap sekolah Mukim (Sekolah Rendah Kebangsaan) bagi kanak-kanak berumur tujuh tahun sebelum mereka belajar bahasa Thai atau bercampur pelajaran dengan bahasa Thai;
- b. Tulisan Jawi dan tulisan Thai menjadi tulisan rasmi; dan
- c. Lapan puluh peratus pegawai pejabat di daerah itu haruslah orang Melayu beragama Islam.

(Ahmad Fathy 2002: 136, & Surin Pitsuwan, 1989: 118)

Permohonan pertama jelas menunjukkan bahawa masyarakat Islam inginkan sekolah rendah yang ada kurikulum Bahasa Melayu kerana dalam sekolah dasar sebelum itu, tidak ada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Maka dengan adanya permohonan ini menyebabkan bahasa Melayu dimasukkan dalam kurikulum di sekolah rendah kerajaan. Walau bagaimanapun rancangan tersebut tidak berjaya menarik minat mereka untuk mempelajari Bahasa Melayu. (Worawit Baru, 1999: 243).

Rancangan kerajaan memasukkan pengajian Bahasa Melayu di sekolah rendah kerajaan sejak mula lagi adalah untuk menggalakkan masyarakat Melayu menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah kerajaan supaya dapat menarik orang Melayu untuk mempelajari bahasa Thai. Setelah tujuan tersebut menampakkan hasil, maka kelas Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan (SMK) mula dikurangkan, ada pula sebahagian sekolah dibenar untuk mengajarkan Bahasa Melayu hanya pada waktu tambahan atau setelah kelas biasa sudah tamat. Guru-guru Bahasa Melayu di sekolah kerajaan ditukar status sebagai guru masakan, pertanian, kesenian dan sebagainya (Worawit Baru, 1999: 244). Sebahagian daripada guru yang mengajarkan Bahasa Melayu dituduh tidak memberi sokongan sepenuhnya dalam membangunkan bahasa Thai. Maka guru-guru ini terpaksa meninggalkan sekolah dan ada yang keluar negeri (Ratya Saleh, 2001: 61).

Tahun 1955 hingga 1958 pelajaran Bahasa Melayu yang diajar dengan tulisan Rumi atau Jawi semakin diketepikan daripada sistem pendidikan kerajaan (Worawit Baru, 1999: 244, Ratya Saleh, 2001: 61). Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah kerajaan dihentikan. Maka ibu bapa juga terpaksa menghantar anak mereka ke kelas pengajian aliran agama dan kelas bahasa Melayu di surau, masjid, tadika atau di sekolah pondok yang berhampiran dengan rumah mereka pada waktu petang selepas waktu balik dari sekolah kerajaan atau dua hari seminggu, iaitu hari Sabtu dan Ahad (Ratya Saleh, 2001: 61). Pada malam hari kanak-kanak berulang-alik atau langsung tidur di rumah tok guru yang mengajarkan al-Quran atau di pondok sehingga waktu pagi, disebabkan kedudukan rumah mereka berjauhan dengan rumah guru (Sutipphon Phompaicit, et. al. 1998: 3).

Berpijak dari kedudukan Bahasa Melayu di Thailand itu tidak sama dengan negara Melayu yang lain, dimana negara tersebut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa resmi negara. Tetapi di Thailand khususnya di Selatan Thai, Bahasa ibunda Melayu dianaktirikan walaupun kalau lihat jumlah penduduk yang beragama Islam dan beretnik Melayu sekitar 95 peratus. Dalam setiap aspek kehidupan harian mereka, masyarakat Melayu Patani menggunakan bahasa Melayu Patani sebagai bahasa perhubungan utama mereka. Pada umumnya, bahasa Melayu Patani bukan sahaja digunakan dalam pergaulan seharian mereka, malah turut meliputi upacara adat dan keagamaan

1.3 Penyataan Masalah

Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST) mempunyai kawasan yang berlainan dengan kawasan di Selatan Thailand, iaitu daripada segi sejarah. Hal ini berlaku demikian kerana WSST pernah menjadi satu negeri, iaitu negeri Pattani sebelum dijajah dan diperintah oleh Siam (Thailand).

Negeri Pattani dahulu terkenal dengan pusat pengajian agama Islam dan merupakan kawasan yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Majoriti orang Thai di kawasan WSST beragama Islam. Disebabkan kawasan ini berbeza dengan kawasan Selatan Thailand di bahagian atas, maka kerajaan mengambil berat dan menentukan “Wilayah Sempadan Selatan Thailand”

merupakan wilayah pentadbiran khas dengan perancangan kerajaan untuk membangun dan menyelesaikan masalah daripada segi ekonomi, pendidikan dan keselamatan (Sermasak Wisalaporn, 2007: 1).

Pada 23 November 2006, Ahli Palimen Thailand telah bersetuju bahawa WSST perlu mempunyai pentadbiran khas. WSST terdiri daripada wilayah Yala, Pattani, Narathiwat, Satun dan empat daerah wilayah Songkhla seperti daerah Jana', Nathawi, Sabayoi dan Thepa (Pusat Pembangunan Pendidikan WSST, 2008:2). Majoriti masyarakat di WSST beragama Islam dan mengamalkan budaya hidup Melayu. Selain itu, WSST juga menggunakan bahasa Melayu tempatan dalam perbualan harian untuk berkomunikasi dan membina perasaan bersatu untuk memupuk kedamaian. Oleh itu, kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kawasan tersebut perlu mempunyai sistem pendidikan yang sistematik dan terancang.

Kerajaan pada masa dahulu hingga kini telah mengambil berat untuk membangunkan sistem pendidikan di kawasan WSST. Namun begitu, pengurusan sistem pendidikan di WSST ini mempunyai pelbagai masalah daripada segi pengurusan pendidikan dan kepelbagaian pusat pengajian. Kedudukannya masih samar sama ada sekolah itu di bawah Pejabat Ahli Jawatankuasa Pendidikan Peringkat Asas (Samnakngan Khana' Kammakarn Karn Suksa Khan Petharn) atau sekolah di bawah Pusat Pentadbiran Ahli Jawatankuasa Sokongan Pendidikan Swasta (Samnak Barihanngan Khana' Kammakarn Songserm Karn Suksa Ekkashon).

Sekolah di bawah Pusat Pentadbiran Ahli Jawatankuasa Sokongan Pendidikan Swasta ini seperti sekolah swasta jenis akademik 15(1), sekolah swasta mengajarkan agama Islam jenis mengajarkan agama Islam dan akademik 15(1), sekolah swasta mengajarkan agama Islam sahaja 15(2), Pusat Pengajian Pondok, dan Pusat Pengajian Islam di Masjid (Tadika).

Begitu juga, terdapat sekolah di bawah Pusat pengajian agama Buddha yang berlangsung pada setiap hari Ahad, Sekolah Buddha Pariya' Than, Sekolah Polis Sempadan Thai, Sekolah Rat Prasya Nu'khrah, sekolah di bawah pentadbiran daerah, Pusat Pengajian Tinggi, di bawah Ahli Jawatankuasa Pengajian Tinggi dan Pejabat Ahli Jawatankuasa Politeknik sama ada sekolah di bawah pentadbiran kerajaan dan swasta. Berdasarkan jenis sekolah di atas, hanya sekolah swasta jenis mengajarkan agama Islam dan akademik 15(1), sekolah swasta mengajarkan agama Islam sahaja 15(2), Pusat Pengajian Pondok, Pusat Pengajian Islam di Masjid (Tadika) yang menawarkan kurikulum Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan mereka.

Namun begitu, kurikulum Bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah-sekolah tersebut berbeza antara satu sama lain. Manakala Sekolah Buddha Pariya' Than, Sekolah Polis Sempadan Thai, Sekolah Rat Prasya Nu'khrah, sekolah di bawah pentadbiran daerah, Pusat Pengajian Tinggi, di bawah Ahli Jawatankuasa Pengajian Tinggi dan Pejabat Ahli Jawatankuasa Politeknik sama ada sekolah di bawah pentadbiran kerajaan dan swasta ini tidak memasukkan kurikulum Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan mereka.

Mata pelajaran Bahasa Melayu tidak ditawarkan di semua sekolah kerajaan di bawah Pejabat Ahli Jawatankuasa Pendidikan Peringkat Asas, kecuali sekolah kerajaan yang mempunyai bilangan pelajar Muslim melebihi 50 peratus sahaja yang diwajibkan mempelajari pelajaran Bahasa Melayu. Pada peringkat sekolah rendah mata pelajaran Bahasa Melayu di bawah mata pelajaran Pendidikan Islam. Manakala, mata pelajaran Pendidikan Islam pula tergolong di bawah mata pelajaran Kemahiran Hidup. Bagi sekolah menengah kerajaan (SMK) pula, mata pelajaran Pendidikan Islam tergolong di bawah mata pelajaran Pendidikan Sains Sosial, Agama dan Kebudayaan. Begitu juga dengan mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat menengah mempunyai kekurangan seperti kemahiran bahasa. Hal ini disebabkan oleh masa pembelajaran Pendidikan Islam yang digabungkan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu hanya diperuntukkan dua jam seminggu.

Penduduk di WSST majoritinya beragama Islam. Oleh itu, rakyat mempunyai kehidupan yang lebih mementingkan pengajian agama berbanding dengan pengajian akademik. Walaupun di WSST itu mempunyai sekolah kerajaan yang mencukupi, kebanyakan ibu bapa menghantar anak mereka ke pusat pengajian pondok atau sekolah swasta yang mengajarkan agama serta pengajian akademik.

Sekolah yang mengajarkan agama serta pengajian akademik hingga ke peringkat tingkatan enam di bawah Pejabat Siasatan Kerajaan Kawasan 12 (Samnak Phutruat Rajsyakarn Prajam Khet Truat Thi 12) dan Pejabat Setiausaha Kementerian Pendidikan (Samnakngan Palat Kraksuang Suksathikarn) melaporkan bilangan pelajar yang memasuki sekolah agama swasta (SAS) itu lebih banyak daripada pelajar yang

memasuki belajar di sekolah kerajaan dengan kadar 70: 30 peratus (Laporan Pejabat Membangun Pendidikan Bahagian Membangun Khas WSST 2008: 27).

Dengan pelbagai sistem pendidikan dan pusat pengajian di WSST ini menyebabkan kualiti dan hasil pembelajaran Bahasa Melayu seseorang pelajar itu menjadi lemah daripada segi persaingan dalam peperiksaan untuk menyambung pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kebanyakan pelajar menggunakan masa yang lebih banyak untuk mempelajari mata pelajaran yang lain selain Bahasa Melayu. Manakala, bentuk isi kandungan pembelajaran Bahasa Melayu pula yang tidak sistematik.

Hal ini disebabkan, kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah tersebut saling tidak bertautan. WSST mempunyai masalah yang berlainan dengan wilayah lain seperti perbezaan daripada segi agama, bahasa, masalah kemiskinan rakyat dan masalah kesan terhadap pembangunan pendidikan (Laporan Pejabat Setiausaha Kementerian Pendidikan: 2008).

Jelaslah di sini bahawa kurikulum Bahasa Melayu yang digubal oleh Kementerian Pendidikan itu masih tidak lengkap dan tidak bertautan dari segi isi pembelajaran (Samnangkang Khana' Kammakarn Karn Suksa Khan Pertharn, 2007: 2). Begitu juga dengan SAS, mata pelajaran Bahasa Melayu diajarkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini disebabkan, masyarakat tempatan beranggapan bahawa bahasa Melayu itu berkait rapat dengan ilmu agama, maka mata pelajaran Bahasa Melayu ditetapkan di bawah mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kurikulum Pendidikan Islam 2003 dijadikan rujukan kepada beberapa buah SAS tetapi tidak semua sekolah menggunakannya atau merujuknya sebagai panduan.

Hal ini disebabkan, kurikulum tersebut mempunyai kelemahan, iaitu tidak teratur dan tidak bertautan dengan peringkat seterusnya. Selain itu, kurikulum yang sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan pelajar, mungkin oleh sebab-sebab yang tertentu. Kelemahan-kelemahan dalam kurikulum yang sedia ada perlu dirombak atau diperbaiki dari semasa ke semasa dan dapat menjadi rujukan seluruh SAS di WSST (Pusat Pengajian Wilayah Yala, 2006).

Penjelasan di atas, membuktikan bahawa kurikulum Bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh Pejabat Ahli Jawatankuasa Pendidikan Asas dan Pejabat Siasatan Kerajaan Kawasan 12 yang dilaksanakan di SMK dan di SAS mempunyai pelbagai masalah dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu.

Kurikulum Bahasa Melayu yang digubal oleh kedua-dua pusat ini masih tidak lengkap dan tidak bertautan daripada segi matlamat pendidikan, objektif pembelajaran, isi pembelajaran dan masa pembelajaran. Masalah ini perlu dibaiki supaya dapat meningkat mutu pendidikan di WSST dan dapat membentuk individu ke satu arah tertentu.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Menjelaskan bentuk kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta di wilayah Yala.
2. Menjelaskan perbezaan dan persamaan kandungan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta di wilayah Yala.
3. Menjelaskan masalah dalam melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta di wilayah Yala.
4. Mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta di wilayah Yala.

1.5 Soalan Kajian

1. Apakah komponen isi kandungan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta di wilayah Yala?
2. Apakah perbezaan dan persamaan kandungan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta di wilayah Yala?
3. Apakah bentuk masalah pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta di wilayah Yala?

4. Apakah langkah yang boleh dipertimbangkan untuk mengatasi keperluan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan dan sekolah agama swasta pada masa hadapan?

1.6 Batasan Kajian

Kajian analisis kurikulum ini dijalankan menggunakan kaedah analisis dokumen, untuk mengkaji fenomena sebenar dalam konteks persamaan dan perbezaan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah di wilayah Yala. Skop kajian ini hanya menganalisis matlamat pendidikan, objektif pembelajaran, isi pembelajaran dan masa pembelajaran mengikut kurikulum Bahasa Melayu di negeri Thai sahaja. Dalam kajian ini, pengkaji memilih sekolah peringkat menengah rendah, iaitu kelas tiga ibtida'iah sahaja sebagai sampel kajian.

Kajian ini juga melibatkan tiga buah SMK dan tiga buah SAS yang mewakili tiga daerah di wilayah Yala berkaitan dengan kurikulum Bahasa Melayu. Tiga buah SMK ialah Sekolah Satri Yala, Sekolah Raman Siriwit dan Sekolah Bannangsata Witya. Manakala SAS pula ialah Sekolah Phatna Witya, Sekolah Darul Huda dan Sekolah Alawiyah Witya. Melalui kajian analisis dokumen, pengkaji dapat menganalisis kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah berkenaan. Antara kaedah yang digunakan ialah analisis dokumen dan temu bual, iaitu enam orang guru bahasa

Melayu dan empat orang ahli akademik yang mewakili sekolah dan pusat pengubalan kurikulum.

Selain itu, pengkaji juga menjalankan penyelidikan di pusat sumber bagi mendapat maklumat dan data daripada tesis, latihan ilmiah, buku-buku rujukan, jurnal dan kertas kerja di perpustakaan bagi menguatkan lagi dapatan kajian. Bagi mengukuhkan lagi analisis kajian, pengkaji akan menggarapkan konsep-konsep yang relevan dalam garis panduan kurikulum Bahasa Melayu yang diaplikasikan dalam KBSM di Malaysia.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil yang diperoleh daripada kajian ini nanti boleh membantukan Pejabat Ahli Jawatankuasa Pendidikan Peringkat Asas di Yala (Samnakngan Khana' Kammakarn Karn Suksa Khan Phertharn) dan Pejabat Pendidikan Daerah Bahagian II Yala (Samnakngan Suksathikarn Khet Sorng) yang sekarang dikenali dengan Samnak Phu Truat Rachakarn Pracham Khet Truat Rachakarn Thi 12) dalam menjalankan urusan yang berkaitan dengan kurikulum Bahasa Melayu di SMK dan SAS.

Selain itu kajian ini juga, amat penting dijalankan supaya dapat menyelesaikan kecelaruan kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah di SMK dan SAS di wilayah Yala. Malah dapat menjadi rujukan kepada Pejabat Siasatan Kerajaan

Kawasan 12 dan Pejabat Pendidikan Daerah Yala untuk merangka kurikulum yang sistematik di SMK dan SAS di wilayah Yala. Hasil daripada kajian ini diharap dapat meningkatkan dan memperluaskan penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard dalam kalangan pelajar di SMK dan SAS di wilayah Yala.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Kurikulum

Kajian ini berdasarkan definisi yang dinyatakan oleh Sumit Khunanu'kun (1980), iaitu kurikulum boleh diertikan sebagai semua pengalaman pembelajaran yang diorganisasikan untuk pelajar pada setiap peringkat dalam institusi pendidikan. Kurikulum sekolah berasaskan dua matlamat negara, iaitu perpaduan dan tenaga manusia. Sesuatu perubahan kurikulum membawa perubahan kepada tugas atau peranan guru. Perubahan itu memerlukan perubahan yang langsung kepada guru, sama ada dari segi tingkah laku dalam perhubungan dengan murid-murid, ataupun perubahan stail mengajar atau penyampaianya di bilik darjah.